

Headline	TNB sasar 1,000 EV menjelang 2030		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	38
ArticleSize	362 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 28,182		



BAHARIN mencuba kenderaan pikap elektrik TNB, ditemani oleh Ketua Pengurusan Armada di TNB Global Business Solutions, **Mohammad Anas Ibrahim**.

TNB sasar 1,000 EV menjelang 2030

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyasarkan penggunaan 1,000 unit kenderaan elektrik (EV) menjelang tahun 2030, yang mewakili 30 peratus daripada kenderaan operasinya.

Dalam memenuhi komitmen berkenaan, TNB telah mempercepatkan peralihan kepada EV dengan menggunakan 98 unit baharu merangkumi 78 trak pikap elektrik dan 20 van elektrik, meningkatkan jumlah keseluruhan EV dalam armada TNB kepada 127 unit.

Peralihan kepada EV oleh TNB diunjurkan bakal menghasilkan pengurangan tahunan sebanyak 2,200 hingga 4,833 tan karbon dioksida, bersamaan dengan kira-kira 88,000 hingga 193,320

batang pokok sebagai pengimbang menjelang 2030.

Ia turut memberikan manfaat ekonomi dengan jangkauan penjimatan kos antara 35 peratus hingga 86 peratus untuk pembaihan dan penyelenggaraan.

Tumpuan awal bagi inisiatif ini adalah di kawasan Lembah Klang dan Langkawi, sejajar dengan matlamat kelestarian Kuala Lumpur, Selangor serta Langkawi dalam menyokong visi untuk menjadi negeri dan bandar bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Baharin Din menegaskan, pihaknya menyasarkan untuk menggantikan 30 peratus, iaitu lebih 1,000 kenderaan kepada EV menjelang 2030.

"Komitmen besar ini menyumbang secara signifikan kepada sasaran kerajaan mencapai 20 peratus jualan EV menjelang 2030, selaras Dasar Automotif Kebangsaan (NAP) 2020.

"TNB bukan sahaja berdedikasi untuk mempercepatkan penggunaan EV, malah memberi tumpuan kepada peningkatan semula kemahiran untuk industri EV, membina infrastruktur pengecasan, menaja kajian berkaitan EV dan memupuk kerjasama dalam kalangan pemain sektor EV," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam usaha mengukuhkan ekosistem EV, TNB merancang untuk memperluas infrastruktur pengecasan EV kepada lebih 500 stesen pengecasan pada tahun 2025 di seluruh negara.